

# DBKL siti 7 premis dikendali peniaga warga asing di pasar borong

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita tujuh perniagaan yang dijalankan warga asing dalam serbuan di sekitar Pasar Borong Selayang, di sini.

Dalam operasi tindakan khas premis perniagaan menerusi Jabatan Penguatkuasaan serta Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL kelmarin itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) terbaik turut menyita 69 ayam hidup.

"Pemeriksaan pegawai penguat kuasa dan pegawai kesihatan DBKL mendapati terdapat tujuh aktiviti perniagaan yang

beroperasi sebagai pusat penyimpanan dan pemprosesan jualan haiwan (ayam hidup) dikendalikan oleh warga asing dari Myanmar dan aktiviti penjualan sayuran serta buah-buahan.

"Premis-premis ini menimbulkan kekacauan dan mengganggu awam kerana membabitkan isu kekotoran, halangan laluan, lorong belakang dan bau yang busuk di kawasan sekitar," kata DBKL dalam satu kenyataan semalam.

DBKL berkata, tindakan siti dan pindah barang dibuat



Anggota penguat kuasa DBKL menyita 69 ayam hidup di Pasar Borong Selayang, semalam.

(Foto ihsan Facebook DBKL)

membabitkan kesalahan perniagaan di kaki lima premis dan penjaja tanpa lesen membabitkan warga Myanmar.

"Tindakan penguatkuasaan dijalankan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan Akta Jalan Parit Bangunan 1974.

"Pegawai kesihatan DBKL me-

ngeluarkan empat notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi kesalahan menyebabkan kekotoran di tempat awam dan stor penyimpanan ayam hidup tanpa kebenaran," katanya.

Barangan perniagaan dan haiwan yang disita diantar ke Se-

tor Sitaan DBKL dan Stor Kawalan Pest JKAS untuk proses dokumentasi lanjut.

DBKL mengingatkan mana-mana pemilik premis perniagaan sentiasa mematuhi syarat lesen perniagaan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan tidak menimbulkan sebarang kecaci ganggu di tempat awam.